

Soalan-soalan Lazim (FAQ) Bagi Pengisytiharan Bonus Dana Penyertaan 2024

Soalan Am

1. **Apa itu polisi penyertaan?**

Polisi penyertaan membolehkan anda berkongsi keuntungan daripada dana penyertaan hayat. Keuntungan ini diagihkan melalui pemberian bonus kepada polisi-polisi penyertaan. Pembayaran sebenar bagi bonus ini **tidak dijamin** dan berkemungkinan akan berkurangan (atau bertambah) berdasarkan prestasi operasi dan pelaburan dana penyertaan hayat.

2. **Apa itu bonus/dividen tunai?**

Ini adalah bonus tidak dijamin yang ditentukan oleh syarikat secara tahunan dan akan dibayar secara tunai kepada anda setiap tahun.

3. **Apa itu bonus berbalik?**

Ini adalah bonus tidak dijamin yang diperuntukkan dan ditambah kepada Jumlah yang Diinsuranskan polisi penyertaan, yang berlaku secara tahunan. Setelah diperuntukkan, nilai tersebut dijamin dengan syarat anda terus membayar premium seperti yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

Walau bagaimanapun, jika anda memilih untuk menyerahkan polisi, anda mungkin tidak akan menerima jumlah keseluruhan bonus yang diperuntukkan. Jumlah bonus yang dibayar mungkin jauh lebih rendah berbanding jika anda mengekalkan polisi sehingga matang atau kematian (yang mana dahulu).

4. **Apa itu bonus/dividen pengakhir?**

Ini adalah bonus tidak dijamin yang mungkin dibayar apabila polisi anda ditamatkan – sekiranya berlaku kematian, mencapai tempoh matang atau jika anda memilih untuk menyerahkan polisi anda. Bonus pengakhir biasanya bertujuan untuk memberikan pemilik polisi bahagian keuntungan yang adil daripada keuntungan yang diperoleh daripada dana penyertaan hayat.

5. **Adakah bonus dan dividen dijamin?**

Setelah diisytiharkan, bonus dan dividen adalah dijamin dan akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau setelah polisi mencapai tempoh matang. Bagaimanapun, jika anda memiliki polisi dengan bonus berbalik, anda mungkin tidak akan menerima jumlah keseluruhan bonus yang diperuntukkan sekiranya anda menyerahkan polisi. Jumlah bonus yang dibayar mungkin jauh lebih rendah berbanding jika anda mengekalkan polisi sehingga tempoh matang, atau berlaku kematian (yang mana dahulu). Bonus dan dividen masa hadapan adalah berdasarkan jangkaan dan tidak dijamin. Bonus dan kadar faedah sebenar yang diisytiharkan pada masa hadapan mungkin lebih tinggi atau lebih rendah, bergantung kepada prestasi pelaburan dan ekonomi serta prestasi operasi syarikat.

6. **Mengapakah kadar dividen/bonus/faedah dalam polisi saya tidak dijamin?**

Bonus masa hadapan bagi semua syarikat insurans hayat, termasuk Zurich Life Insurance, adalah tidak dijamin. Ini kerana kadar dividen/bonus/faedah adalah tertakluk pada pengisytiharan tahunan berdasarkan keputusan prestasi operasi dan pelaburan syarikat. Bagaimanapun, setelah bonus diisytiharkan, ia adalah terjamin dan tidak boleh ditarik balik. Sebagai contoh, bank biasanya menawarkan kadar faedah sekitar 7% hingga 9% setahun untuk deposit tetap bagi tempoh 12 bulan pada pertengahan tahun 90-an. Bagaimanapun, pelaburan yang sama kini hanya memberikan pulangan sekitar 2% hingga 3% setahun.

7. **Bagaimanakah bonus diisytiharkan?**

Bonus yang tidak dijamin, ditentukan oleh syarikat berdasarkan prestasi operasi dan pelaburan sebenar dana penyertaan hayat. Sebagai contoh, jika pelaburan dan prestasi operasi dana tersebut (iaitu perbelanjaan dan tuntutan yang dihadapi) adalah baik sepanjang tahun lalu, syarikat mungkin dapat mengisytiharkan bonus yang lebih tinggi. Jika pelaburan atau prestasi operasi kurang baik, syarikat mungkin mengisytiharkan bonus yang lebih rendah, atau mungkin tidak dapat mengisytiharkan bonus sama sekali.

8. Mengapakah bonus/dividen tidak berubah setiap tahun?

Bonus yang dibayar adalah 'diimbangkan'. Ini bermaksud, pada tahun-tahun dimana syarikat memperoleh prestasi operasi dan pelaburan yang baik, sebahagian keuntungan akan disimpan dan digunakan untuk menambah bonus pada tahun-tahun yang kurang memberangsangkan. Ini adalah ciri unik polisi penyertaan terbabit. Syarikat akan berusaha untuk mengimbangi pembayaran kepada pemilik polisi walaupun prestasi tahunan kurang baik. Bagaimanapun, 'keseimbangan' tidak memberikan jaminan penuh terhadap prestasi yang kurang baik. Jika prestasi ini berterusan selama beberapa tahun, syarikat mungkin perlu mengurangkan bonus mengikut prestasi syarikat dan bagi memastikan dana kekal mampan.

Pengisytiharan Bonus Tahun 2024

9. Saya baru menerima penyata bonus daripada syarikat anda. Boleh anda terangkan lebih lanjut? Apa tujuan surat ini?

Sebagai pemilik polisi yang kami hargai, kami ingin memaklumkan anda tentang status dan nilai semasa dividen tunai/bonus berbalik yang diisytiharkan dan terkumpul dalam polisi anda bagi tahun 2024, jumlah semasa yang akan anda terima jika anda menyerahkan polisi serta maklumat polisi dan status penamaan anda.

10. Saya menerima surat ini hampir setiap tahun. Adakah Zurich Life Insurance secara tidak langsung meminta saya mengubah polisi saya?

Kami menasihatkan anda untuk mendapatkan bimbingan daripada ejen perkhidmatan anda sebelum membuat sebarang keputusan yang besar tentang polisi anda. Jika anda tidak lagi mempunyai ejen perkhidmatan Zurich dan inginkan bantuan untuk menghubungkan anda dengan ejen perkhidmatan baharu, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622. Pegawai perkhidmatan pelanggan kami akan membantu anda dengan prosedur permohonan ejen perkhidmatan baharu.

11. Sebelum ini terdapat semakan bonus tetapi saya tidak menerima sebarang surat daripada syarikat anda mengenai bonus matang yang disemak. Apakah sebabnya?

Sebelum ini, industri tidak mengamalkan untuk memaklumkan kepada pemilik polisi sekiranya terdapat perubahan pada pembayaran setelah polisi mencapai tempoh matang. Sebagai pemilik polisi, anda mempunyai pilihan untuk merujuk kepada ejen perkhidmatan anda atau melalui cawangan Zurich terdekat untuk mendapatkan penjelasan lanjut atau maklumat tentang polisi anda. Pegawai perkhidmatan pelanggan kami sedia membantu anda. Anda juga boleh hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622.

12. Saya tidak berpuas hati dengan pengisytiharan bonus untuk polisi saya. Apakah pilihan yang saya ada sekarang?

Kami tidak menyarankan anda menyerahkan polisi, namun anda mempunyai beberapa pilihan:

- 1) Terus membayar premium semasa, yang akan meningkatkan nilai polisi anda dan memberi potensi pulangan yang lebih tinggi dalam jangka masa panjang.
- 2) Kekalkan polisi tetapi mengurangkan Jumlah yang Diinsuranskan, yang akan mengurangkan kadar premium.
- 3) Tukar polisi anda kepada polisi berbayar terkurang.
- 4) Tukar polisi anda kepada Insurans Sementara Lanjutan (Extended Term Insurance).
- 5) Jika Orang yang Diinsuranskan adalah di bawah umur, anda boleh menukar pemilikan polisi kepada Orang yang Diinsuranskan apabila beliau mula bekerja. Pemilik polisi baharu (pemohon) boleh meneruskan pembayaran premium.
- 6) Bagi keperluan tunai semasa kecemasan (seperti dana pendidikan anak), anda boleh memohon pinjaman polisi / permohonan pengeluaran sebahagian atau sepenuhnya bonus/dividen yang tersedia.

Ejen perkhidmatan anda boleh menasihati anda tentang pilihan yang sesuai dan menyediakan penyelesaian terbaik bagi situasi anda. Jika anda tiada ejen perkhidmatan pada masa ini, sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622.

13. Jika saya berhenti membayar premium sekarang, berapa lama polisi saya akan kekal aktif?

Polisi anda akan terus dibiayai oleh bonus/dividen/nilai tunai yang terkumpul. Walau bagaimanapun, kadar bonus masa hadapan tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi operasi dan pelaburan lalu serta prospek pelaburan masa hadapan. Oleh itu, kami tidak dapat meramalkan atau mengesahkan tempoh kuatkuasa polisi anda atau memberi jangkaan bila polisi anda akan mencapai peringkat di mana dana tidak mencukupi. Sila hubungi Pusat Panggilan kami di 1-300-888-622 dan pegawai perkhidmatan pelanggan sedia membimbing anda tentang pilihan yang ada.

14. Bagaimanakah semakan bonus memberi kesan kepada polisi saya dengan pilihan Tahun Kritikal?

Tahun Kritikal tidak dijamin dan bergantung kepada nilai bonus/dividen/tunai terkumpul yang diisytiharkan pada polisi anda. Sekiranya berlaku semakan bonus, nilai bonus/dividen/tunai terkumpul anda mungkin terjejas. Jika nilai terkumpul ini terjejas dan menjadi tidak mencukupi untuk mengekalkan polisi anda hingga tempoh tamat polisi, anda mungkin perlu melanjutkan pembayaran premium melebihi Tahun Kritikal seperti yang dinyatakan ketika polisi berkuatkuasa. Sekiranya anda berhenti membayar premium, anda mungkin perlu menyambung semula pembayaran premium untuk mengelakkan polisi anda luput. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Pilihan Tahun Kritikal anda dan bagaimana polisi anda boleh terjejas akibat pelaksanaan semakan bonus, sila hubungi kami di 1-300-888-622.

Prospek Masa Depan

15. Bagaimana saya boleh terus yakin terhadap produk anda kini dan pada masa hadapan?

Zurich Life Insurance mengamalkan strategi pengurusan risiko dan pelaburan yang berhemah untuk memberikan pulangan mampan jangka masa panjang kepada pemilik polisi kami. Kami kekal sebagai syarikat yang kukuh dari segi kewangan dan komited sepenuhnya untuk memenuhi tanggungjawab kepada pelanggan kami. Kami berusaha menyediakan produk dan

perkhidmatan terbaik untuk memenuhi keperluan pelanggan kami yang sentiasa berubah.

16. Apakah langkah-langkah atau strategi yang telah diambil oleh Zurich Life Insurance untuk memastikan pengisytiharan bonus yang munasabah pada masa hadapan?

Polisi yang anda beli membolehkan anda berkongsi keuntungan dana penyertaan hayat (jika ada), tetapi keuntungan ini tidak dijamin. Keuntungan diagihkan dengan menambah bonus kepada polisi-polisi tersebut. Seperti yang anda sedia maklum, keuntungan ini tidak menentu setiap tahun, bergantung kepada prestasi pelaburan dan operasi dana penyertaan hayat tersebut. Oleh itu, pembayaran sebenar bonus ini tidak dijamin dan boleh berkurang (atau bertambah) mengikut prestasi sebenar. Matlamat kami adalah untuk mengekalkan kemampanan dana penyertaan hayat, yang telah terjejas dalam beberapa tahun kebelakangan ini akibat kemerosotan berterusan dalam pasaran pelaburan dan prospek pelaburan yang lemah. Adalah penting untuk memastikan kemampanan dana penyertaan hayat dan pengagihan keuntungan yang saksama kepada semua pemilik polisi untuk jangka masa panjang. Kami ingin menegaskan bahawa sebarang bonus yang telah diisytiharkan sebelum ini adalah dijamin sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh semakan bonus ini. Zurich Life Insurance kekal sebagai syarikat yang kukuh dari segi kewangan dan komited sepenuhnya untuk memenuhi tanggungjawab kepada pelanggan kami.

17. Apakah prospek masa depan dana penyertaan hayat and bagaimana ia boleh mempengaruhi pulangan dan bonus pada masa hadapan?

Secara umumnya, seperti simpanan individu, syarikat insurans di seluruh dunia turut terkesan oleh persekitaran pasaran saham yang mencabar dan tidak menentu. Untuk memastikan Zurich Life Insurance dapat terus berkhidmat kepada pelanggan untuk jangka masa panjang, kami mengekalkan disiplin kewangan yang ketat serta mengamalkan strategi pengurusan risiko secara berhemah dan pelaburan yang pelbagai. Kadar bonus pada masa hadapan tidak dijamin dan akan dikaji semula setiap tahun, berdasarkan pencapaian operasi dan pelaburan lalu serta prospek pelaburan pada masa hadapan.

Zurich Life Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 196801000442 (8029-A)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622